

DATE : 18 SEPT 2017  
PUBLICATION : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)  
SECTION : TEMPATAN  
HEADLINE : SERBA DINAMIK, DUBS BINTULU HULUR SUMBANGAN  
KEPADA MANGSA KEBAKARAN  
CATEGORY : COMPANY  
MEASUREMENT : 108.8CM<sup>2</sup>  
TONE : NEUTRAL  
REMARKS : NIL

### Serba Dinamik, DUBS Bintulu hulur sumbangan kepada mangsa kebakaran

**BINTULU:** Serba Dinamik dan Dewan Usaha Bumiputera Sarawak (DUBS) Bintulu menyampaikan sumbangan kepada mangsa kebakaran Kampung Sebuang Besar, Jepak di sini semalam.

Sumbangan disampaikan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Serba Dinamik Holdings Berhad merangkap Pengerusi DUBS Cawangan Bintulu Abdul Kadier Sahib.

Pada masa sama, Abdul Kadier turut menyampaikan sumbangan peribadi berjumlah RM5,000 kepada setiap keluarga mangsa.

Setakat ini tidak putus-putus mangsa kebakaran menerima sumbangan pelbagai pihak melibatkan pertubuhan bukan

kerajaan (NGO), orang perseorangan, swasta dan sebagainya.

Dalam kejadian pada jam 2 pagi, 10 September lalu tujuh keluarga tinggal sehelai sepinggang apabila lapan rumah kayu mereka musnah dalam kebakaran besar di Kampung Sebuang Besar, Jepak di sini.

Kebakaran itu turut memusnakan dokumen peribadi dan barang berharga milik mangsa, namun tiada kecederaan terhadap mangsa dalam kejadian tersebut.

**SUMBANGAN:** Abdul Kadier (tiga kiri) menyampaikan sumbangan kepada mangsa kebakaran sambil disaksikan Ketua Kaum Kampung Sebuang Besar Sauni Saibi (dua kiri) dan yang lain.

